

PM bidas rakyat, ahli Kongres bersekongkol

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas ahli kongres Amerika Syarikat (AS) serta rakyat tempatan yang bersekongkol dengan mereka kerana gagal memahami konsep undang-undang sesebuah negara dan amalan demokrasi di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ahli Kongres yang memfailkan resolusi di Dewan Perwakilan AS bagi mendesak supaya Kerajaan Malaysia menggugurkan semua tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim atau mengadakan perbincangan baru, jelas tidak memahami undang-undang negara ini.

“Saya bukan ada kuasa nak suruh ada bicara semula. Dia (ahli Kongres) tak faham undang-undang. Undang-undang tidak membenarkan Perdana Menteri atau kerajaan mengarahkan perbincangan semula.

“Kalau nak dibicara semula, carilah mengikut undang-undang kita apa dia. Tetapi anda pergi dan minta negara lain membuat tekanan supaya diadakan semula perbincangan, mana boleh.

“Saya bukan boleh beri arahan,” katanya kepada pemberita selepas melan-

“ BH - 4 NOV 2000

Ahli Kongres itu boleh mengemukakan resolusi tetapi yang memalukan ialah pembabitan rakyat Malaysia sendiri yang mendesak negara asing untuk mengancam negara sendiri.

”

– Dr Mahathir Mohamad

carkan perayaan Jubli Emas Rida-Mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan ahli Kongres berkenaan memfailkan satu resolusi itu baru-baru ini. Resolusi itu difailkan oleh ahli Dewan Perwakilan dari New Jersey, Chris Smith, Ileana Ros-Lehtinen dan Robert Wexler (Florida), Tom Lantos, Dana Rohrabacher dan Ed Royce (California) dan Niel Abercrombie (Hawaii) kepada Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa Dewan Perwakilan AS.

Ia mendesak Kerajaan Malaysia memberikan Anwar satu perbincangan baru di bawah prosedur yang adil dan telus atau menggugurkan pertuduhan dikenakan ke atas bekas Timbalan Perdana

Menteri itu.

Bagaimanapun, tujuh ahli Kongres berkenaan membuat desakan itu atas inisiatif sendiri dan tidak mencerminkan pendirian Kerajaan AS.

Dr Mahathir berkata, ahli Kongres itu boleh mengemukakan resolusi tetapi yang memalukan ialah pembabitan rakyat Malaysia sendiri yang mendesak negara asing untuk mengancam negara sendiri.

“Ini adalah sesuatu tindakan yang menderhaka... untuk pergi kepada orang lain, meminta mereka menyerang negara anda. Dalam apa cara sekalipun, ini adalah salah.

“Kita dalam Malaysia, jika tak puas hati, kita ada saluran. Kita ada pilihan raya. Masa pilihan raya kalau orang berpendapat

kita betul, dia sokong kita. Dalam pilihan raya yang lepas pun, diguna gambar mata lebam itu untuk mendapat simpati orang.

“Walaupun demikian, rakyat di Malaysia sokong kerajaan Barisan Nasional (BN). Jadi kalau dia tak puas, dia cubalah dalam pilihan raya ke... di dalam negeri. Jangan panggil orang lain serang negara kita, itu tak baik,” katanya.

Ditanya kemungkinan ahli Kongres itu sengaja berbuat demikian kerana tidak menghormati Malaysia, Dr Mahathir berkata, mereka kelihatan tidak memahami apa yang betul dan salah.

“Sebenarnya mereka tidak layak menjadi ahli Kongres dalam sebuah negara yang paling berkuasa di dunia,” katanya sambil menambah, Malaysia bagaimanapun tidak perlu mengemukakan tindak balas secara rasmi.

Mengenai kemungkinan hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat menjadi renggang jika Al Gore terpilih sebagai Presiden baru AS, Dr Mahathir berkata:

“Kita tahu siapa Al Gore. Dia adalah satu-satunya yang boleh pergi ke sebuah negara dan memberitahu rakyat untuk menentang

kerajaan di hadapan (pemimpin) kerajaan. Saya rasa itu sikap tidak baik, kurang ajarlah.

“Oleh itu, dia perlu diajar bersikap baik. Kalau dia jadi Presiden Amerika... minta maaf, payahlah sikit kita nak ada perhubungan yang baik,” katanya.

Pemimpin dan rakyat Malaysia marah apabila Al Gore secara terang menyokong gerakan reformasi kepada Anwar ketika menyampaikan ucapan pada majlis jamuan sidang perniagaan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini, November 1998 lalu.

Al Gore menganggap penunjuk perasaan yang terbabit dalam gerakan reformasi sebagai ‘rakyat Malaysia yang berani’.

Ketika diminta pandangannya bahawa penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengharap Al Gore berjaya dan dipilih sebagai Presiden Amerika, Dr Mahathir berkata:

“Itu memanglah... dia (Keadilan) nak bersama dengan ini (Al Gore). Tak patut bagi parti dia (dengan nama) Keadilan langsung... (kerana) dia tak faham langsung apa itu keadilan,” katanya.